

[PERCEPTION OF KULIYYAH AL-FURQAN PARTICIPANTS ON THE KNOWLEDGE OF QIRAAT]

PERSEPSI PESERTA KULIYYAH AL-FURQAN KOLEJ AL-QURAN TERENGGANU TERHADAP ILMU QIRAAT

NUR RASHIDAH ASHAARY¹WAN ARIDA AZREYANTI WAN AZMI²

Kolej al-Quran Terengganu, Kampus Padang Midin, 21400 Marang, Terengganu, MALAYSIA
Email: rashidah@kqt.edu.my

*Received: 4 July 2021**Accepted: 15 July 2021**Published: 1 December 2021*

Abstract

This study was conducted to discover on the perception of the participants of Kuliyyah al-Furqan on the knowledge of Qiraat - based on their interests, attitudes and level of practice. The research instrument used for this research is questionnaire items conducted on 80 respondents. The data obtained were analyzed using the descriptive statistics including frequency, percentage, mean and standard of deviation. The results of the analysis reveal that the mean value for the interest category was at a high level, while in the attitude category and the level of practice of the respondents were are at a moderately high level. Respondents are still not confident to practice the recitation of qiraat either in prayer or when reciting the Quran. They are also less able to transfer the knowledge of Qiraat to others. The Findings explains that respondents 'perceptions are at a good level with a deep awareness of interest. However, it still needs to be improved and given emphasis on the aspect of practice to increase the level of mastery and understanding in the science of Qiraat.

Keywords: Perception, Participants, al-Furqan, Qiraat

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauhmana persepsi peserta Kuliyyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat berdasarkan kepada minat, sikap dan tahap pengamalan mereka. Instrumen kajian yang digunakan adalah menggunakan item soal selidik yang dijalankan ke atas 80 orang responden. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif merangkumi kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Hasil analisa mendapati bahawa nilai min bagi kategori minat berada pada tahap tinggi, manakala pada kategori sikap dan tahap pengamalan responden berada pada tahap sederhana tinggi. Responden masih tidak yakin untuk mempraktikkan bacaan qiraat baik di dalam solat mahupun ketika membaca al-Quran. Mereka juga kurang berkemampuan untuk mengajar ilmu Qiraat kepada pihak lain. Dapatan Ini menjelaskan bahawa persepsi responden secara keseluruhannya berada di tahap yang baik dengan kesedaran minat yang mendalam. Namun masih perlu diperbaiki dan diberi penekanan kepada aspek pengamalan untuk meningkatkan tahap penguasaan dan kefahaman dalam ilmu Qiraat.

Kata kunci: Persepsi, Peserta, al-Furqan, Qiraat.

PENGENALAN

Ilmu Qiraat merupakan suatu cabang ilmu al-Quran yang semakin berkembang di Malaysia. Sejalan dengan perkembangan ilmu ini, pelbagai institusi tahfiz dan qiraat telah ditubuhkan bagi memenuhi permintaan masyarakat yang ingin mendalami ilmu Qiraat. Ilmu ini amat berkait rapat dengan pelbagai disiplin ilmu terutamanya dalam bidang tafsir dan ianya wajar diberi perhatian yang serius dengan laporan statistik yang membuktikan hampir kesemua institusi awam atau swasta yang menawarkan bidang pengajian Islam turut menawarkan bidang pengajian Qiraat.

Kuliyah al-Furqan Terengganu merupakan sebuah pusat pengajian yang berteraskan al-Quran. Pusat pengajian ini ditubuhkan pada tahun 1986 dan mendapat sambutan yang cukup menggalakkan oleh masyarakat Terengganu. Kuliyah al-Furqan disertai oleh lebih seribu peserta saban tahun. Dimulai dengan program Ulum al-Quran yang mengetengahkan ilmu tajwid, pada tahun 2011 pusat pengajian ini mula mengorak selangkah kehadapan dengan menawarkan program baharu yang dikenali sebagai Dirasat al-Quraniyyah. Program ini dilengkapi dengan subjek berkaitan al-Quran diperingkat yang lebih tinggi iaitu subjek Tafsir, subjek Qiraat, subjek Hafazan dan subjek Bahasa Arab. Peserta yang mendapat kelayakan yang tinggi dalam peperiksaan di peringkat Ulum al-Quran akan diterima untuk meneruskan pengajian di peringkat Dirasat.

Melihat kepada subjek diperingkat Dirasat, subjek Qiraat merupakan subjek yang agak asing bagi peserta Kuliyah al-Furqan. Walaupun ilmu ini semakin mendapat tempat dikalangan masyarakat Malaysia, namun tidak dapat dinafikan bahawa dalam usaha memartabatkan ilmu ini, terdapat pelbagai cabaran dan rintangan yang masih perlu dihadapi. Terdapat segelintir daripada mereka tidak dapat menerima ilmu ini sebagai salah satu cabang ilmu al-Quran. Justeru kajian ini dilakukan bagi mengetahui sejauh mana persepsi pelajar Kuliyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat bagi membantu meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam mempelajari ilmu Qiraat seterusnya menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul berkaitan pengajian ilmu Qiraat.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini menjelaskan tentang persepsi peserta Kuliyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat. Selain itu, di antara objektif kajian ini adalah pertama, untuk mengkaji sejauh mana minat peserta Kuliyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat. Yang kedua, untuk mengenal pasti sikap peserta Kuliyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat. Yang ketiga, untuk menganalisa tahap pengamalan peserta Kuliyah al-Furqan berkaitan ilmu Qiraat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan bagi mengenalpasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan persepsi pelajar Kuliyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat. Menurut Mohd Majid Konting (1998), kaedah tinjauan adalah sesuai

digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Dalam kajian ini penyelidik menerangkan fenomena dengan menganalisis data yang didapati daripada soal selidik. Bentuk soal selidik dalam kajian ini adalah merupakan soalan-soalan persepsi pelajar Kuliyyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat, kepentingan mempelajari ilmu Qiraat melalui sikap dan faktor-faktor penentu minat pelajar terhadap ilmu ini.. Disamping itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden juga dikehendaki memilih jawapan yang paling tepat berasaskan kepada cadangan-cadangan jawapan untuk soalan yang dikemukakan. Semua data yang diperolehi akan dianalisis secara kuantitatif iaitu menggunakan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai.

SAMPEL KAJIAN

Bagi tujuan kajian ini, seramai 80 orang peserta Kuliyyah al-Furqan yang mengikuti pengajian Qiraat telah dipilih sebagai sampel kajian yang diambil secara rawak daripada keseluruhan peserta berjumlah 100 orang. Dalam menentukan saiz sampel, pengkaji telah memilih untuk menggunakan ralat persampelan 5%, (*significance level* (α)- .05) dengan aras keyakinan (*level of confidence*) 95% yang merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel Cohen et al. (2001).

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan pengkaji dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Penggunaan instrumen ini lebih praktikal dan berkesan dalam sesuatu kajian kerana tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Muktar (2009) berpendapat bahawa menggunakan soal selidik memberikan kebaikan kerana ia melibatkan responden yang lebih ramai, secara meluas dan menyeluruh.

Item soal selidik akan dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu bahagian A, B, C, dan D. Bahagian A bertujuan untuk memperolehi data tentang latar belakang subjek kajian. Bahagian B,C dan D mengandungi item yang merangkumi aspek yang perlu dikaji berdasarkan objektif kajian. Soalan kajian ini mempunyai tiga pokok asas iaitu tahap minat, sikap dan pengamalan peserta Dirasat 1 Kuliyyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat. Sampel hanya perlu menandakan darjah persetujuan bagi setiap soalan yang dikemukakan dalam setiap bahagian.

Skala yang digunakan dalam set soal selidik adalah skala Likert 1 – 5 bagi menyatakan darjah persetujuan. Dalam pemberian markah, setiap penggunaan akan diberi nilai. Nilai 1 untuk Amat Tidak Setuju(ATS), 2 untuk Tidak Setuju(TS), 3 untuk Tidak Pasti(TP), 4 untuk Setuju(S), dan 5 untuk Amat Setuju(AS). Setiap dapatan yang diperolehi akan dikelaskan mengikut aspek yang ditetapkan secara kuantitatif. Untuk tujuan tersebut, pengkaji menggunakan interpretasi skor min yang telah digunakan oleh Nunnaly dan Bernstein (1994).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi skor min
1.00-2.00	Rendah
2.00-3.00	Sederhana Rendah
3.00-4.00	Sederhana Tinggi
4.00-5.00	Tinggi

Sumber : Nunnaly dan Bernstein (1994)

DAPATAN KAJIAN

Analisis yang dilakukan adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian. Berikut adalah persepsi peserta Kuliyyah al-Furqan terhadap ilmu Qiraat yang dikaji melalui tiga aspek utama iaitu sikap, minat dan tahap pengamalan peserta.

Jadual 2 : Analisis Persepsi Responden Berkaitan Minat

Minat Peserta Terhadap Ilmu Qiraat	ATS %	TS %	TP %	S %	AS %	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Anda bersyukur kerana diberi peluang untuk mempelajari ilmu Qiraat.	2.5			17.5	80	4.73	0.71	Tinggi
Ilmu Qiraat merupakan subjek yang paling anda minati		6.3	8.8	51.3	33.8	4.13	0.82	Tinggi
Aktiviti pembelajaran Qiraat memberi kepuasan kepada anda		2.5	3.8	57.5	36.3	4.28	0.65	Tinggi
Anda mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran ilmu Qiraat		2.5	6.3	62.5	28.8	4.18	0.65	Tinggi
Anda ingin mempelajari ilmu Qiraat dengan lebih mendalam		5	12.5	43.8	38.8	4.16	0.83	Tinggi

Anda akan berasa kesal jika anda tidak menghadiri kelas ilmu Qiraat		3.8	56.3	40	4.36	0.56	Tinggi	
Anda sentiasa mencari maklumat tambahan berkaitan ilmu Qiraat	10	18.8	57.5	13.8	3.75	0.82	Sederhana Tinggi	
Anda sentiasa membuat persiapan awal untuk mengikuti kelas ilmu Qiraat	1.3	10	18.8	58.8	11.3	3.69	0.85	Sederhana Tinggi
Min Keseluruhan					4.16	0.74	Tinggi	

Sumber : Soal Selidik

Jadual 2 menunjukkan skor min tertinggi ($M = 4.7250$, $SD = .7111$, $n=80$) pada soalan 1 yang memperlihatkan rasa bersyukur responden kerana diberi peluang mempelajari ilmu Qiraat. Nilai skor min ini merupakan nilai tinggi menurut interpretasi skor min yang telah digunakan oleh Nunnally dan Bernstein (1994). Ini bermakna item soalan 1 hingga 6 mendapat skor min yang tinggi dan bagi soalan 7 ($M = 3.7500$, $SD = .81908$, $n=80$) dan 8 ($M = 3.6875$, $SD = .85082$, $n=80$) mendapat nilai sederhana tinggi. Secara kesimpulannya, skor min bagi kategori minat responden keseluruhannya mendapat nilai skor min yang tinggi. Ini membuktikan bahawa responden amat meminati ilmu Qiraat dan sentiasa berusaha untuk lebih memahami dan mendalami ilmu ini.

Jadual 3 : Analisis Persepsi Responden Berkaitan Sikap

Sikap Peserta Terhadap Ilmu Qiraat	ATS %	TS %	TP %	S %	AS %	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Ilmu Qiraat adalah ilmu yang penting untuk dipelajari setanding ilmu-ilmu lain		6.3	6.3	47.5	40	4.21	0.82	Tinggi
Anda berusaha dengan gigih untuk mendapat pencapaian yang cemerlang	1.3		6	31	42	4.41	0.74	Tinggi
Anda sentiasa menyiapkan kerja rumah dan tugas		1.3	6.3	63.8	28.8	4.20	0.60	Tinggi

yang diberi								
Keberkesanan pemahaman ilmu Qiraat amat bergantung kepada gaya penyampaian guru	1.3	43.8	55	4.54	0.53			Tinggi
Anda akan segera meminta penjelasan guru apabila terdapat kemusykilan berkaitan ilmu Qiraat	6.3	56.3	37.5	4.31	0.59			Tinggi
Ilmu Qiraat sukar untuk difahami	3.8	46.3	13.8	31.3	5	2.88	1.06	Sederhana Rendah
Anda berasa terpaksa mempelajari ilmu Qiraat	31.3	48.8	7.5	8.8	3.8	2.05	1.04	Sederhana Rendah
Anda tidak bercadang untuk menyambung pengajian ilmu Qiraat selepas tamat kelas Dirasat	20	28.8	36.3	12.5	2.5	2.49	1.03	Sederhana Rendah
Min Keseluruhan						3.64	0.80	Sederhana Tinggi

Sumber : Soal Selidik

Bagi kategori sikap responden, skor min berada di tahap yang tinggi pada item soalan 1 hingga 5 dengan nilai skor 4 keatas. Namun bagi item soalan 6 hingga 8, skor min berada di tahap sederhana rendah dengan nilai item soalan 6($M = 2.8750$, $SD = 1.05991$, $n=80$), item soalan 7($M = 2.0500$, $SD = 1.04215$, $n=80$) dan item soalan 8($M = 2.4875$, $SD = 1.03108$, $n=80$). Ketiga-tiga item soalan ini berada dibawah tahap 3 skor min yang menunjukkan nilai sederhana rendah. Ini bermakna responden tidak mengalami kesukaran untuk memahami ilmu ini dan mempelajari ilmu ini tanpa paksaan. Responden juga menunjukkan sikap yang positif dengan semangat untuk menyambung lagi pengajian ilmu Qiraat walaupun telah tamat kelas Dirasat. Secara keseluruhannya, skor min bagi aspek sikap responden berada di tahap sederhana tinggi.

Jadual 4 : Analisis Persepsi Responden Berkaitan Tahap Pengamalan

Tahap Pengamalan Peserta Terhadap Ilmu Qiraat	ATS %	TS %	TP %	S %	AS %	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Anda kerap membaca ayat al-Quran dalam solat menggunakan lahjah Qiraat yang dipelajari	6.3	47.8	25	18.8	2.5	2.64	0.94	Sederhana Rendah
Anda merasa was-was untuk mengaplikasikan ilmu Qiraat ketika membaca al-Quran	3.8	26.3	17.5	45	7.5	3.26	1.05	Sederhana Tinggi
Anda mampu mengajar ilmu Qiraat kepada keluarga dan sahabat handai terdekat	6.3	26.3	33.8	32.5	1.3	2.96	0.95	Sederhana Rendah
Anda dapat mengenalpasti dan membezakan bacaan Qiraat Imam yang dipelajari		6.3	42.5	42.5	48.8	3.51	0.71	Sederhana Tinggi
Anda dapat mengenalpasti khilaf Qiraat yang terdapat dalam surah-surah yang dipelajari		8.8	37.5	46.3	7.5	3.53	0.76	Sederhana Tinggi
Ilmu Qiraat memberi kesan terhadap kehidupan anda	1.3	7.5	21.3	57.5	12.5	3.73	0.83	Sederhana Tinggi
Anda suka mengupas dan memberi hujah dalam sesuatu isu Qiraat yang dilontarkan	2.5	23.8	42.5	26.3	5	3.08	0.90	Sederhana Tinggi
Anda dapat membaca	3.8	15	41.3	35	5	3.23	0.90	Sederhana

al-Quran menggunakan Qiraat Imam yang dipelajari dengan baik				Tinggi
Min Keseluruhan	3.24	0.88		Sederhana Tinggi

Sumber : Soal Selidik

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi kategori tahap pengamalan responden terhadap ilmu Qiraat dalam kehidupan harian mereka. Nilai skor min bagi kategori ini kebanyakannya berada di tahap sederhana tinggi dengan nilai skor min 3 keatas. Namun, bagi item soalan 1 ($M = 2.6375$, $SD = .94459$, $n=80$) dan 3 ($M = 2.9625$, $SD = .94726$, $n=80$) mendapat nilai skor min sederhana rendah. Secara keseluruhan, skor min bagi aspek tahap pengamalan responden berada di tahap sederhana tinggi. Responden masih lagi ragu-ragu untuk mengaplikasikan ilmu ini terutamanya dalam bacaan solat dan kurang berkeyakinan untuk menyampaikan ilmu ini. Ini menunjukkan tahap penguasaan responden terhadap ilmu ini masih lemah dan memerlukan usaha untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, para responden mempunyai persepsi yang positif terhadap ilmu Qiraat dari aspek minat, sikap dan tahap pengamalan. Mereka menerima baik ilmu ini walaupun baru sahaja diperkenalkan. Namun, usaha penambahbaikan perlu dipertingkatkan terutamanya latihan bacaan qiraat di dalam solat serta dalam bacaan al-Quran seharian. Pemahaman tentang konsep teori juga perlu diberi lebih penekanan bagi memantapkan keyakinan mereka untuk mengamalkan ilmu ini dalam kehidupan seharian.

RUJUKAN

- Mohd Rahim Jusoh (2001), *Pengenalan Ilmu Qiraat*, c. 2, Selangor, Mahsuri Timur Sdn. Bhd.
- Abdul Fattah al-Qadhi (1997), *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*, Nafaqah al Azhar, Kaherah, h. 26.
- Manna' Qattan (1998), *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*, c. 35, Beirut, Muassasah al-Risalah.
- Ibn al-Jazari(2002), *Taqrib al-Nashr fi al-Qira'at al-Ashr*, ed. Muhammad Ali Baidun, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), Kamus Dewan Edisi Ketiga, c. 1, Kuala Lumpur. Cambridge International Dictionary of English(1995) c.2, h.1047.
- Hadith riwayat al-Bukhari, No. 5027, Abu Dawud, No. 1452, at-Tirmizi, No.2907.
- Siti Intan Dahlia Mohammad Harun (2011), Jurnal ' 'Perkembangan Ilmu Qiraat Di Malaysia Dan Keperluannya Di Institusi Pengajian Tinggi'' Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH).

- Zainora bt Daud, Mustaffa bin Abdullah, Norsaleha bt Mohd Salleh (2015), *Jurnal Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN*, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS.
- Zainora Daud, Muhammad Fairuz A. Adi dan Mustaffa bin Abdullah (2012), *Jurnal "Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pengajian Qiraat Di Jabatan Al-Quran Dan Al-Qiraat, KUIS: satu tinjauan awal*, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS.
- Zainora bt Daud dan Muhammad Lukman bin Ibrahim (2015), *Jurnal Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat di USIM*, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS.
- Sabri Muhammad dan Mohd Faizulamri Mohd Saad (2010), *Dinamika Ilmu Qira'at Quraniyyah*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 8 dan 9.
- Ab. Malek Ab. Manaf (2006), *Ilmu Qira'at Suatu Pengenalan*, Kuala Lumpur, al-Jenderaki Enterprise, h. 8.
- 'Abd. Al-Fattah al-Qadi, (2002), *al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-'Ashar al-Mutawatirah min Tariq al-Shatibiyyah wa al-Durrah*, Makkah al-Mukarramah: Maktabah Anas bin Malik, h. 5.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, c. 1, Kuala Lumpur, h. 771.
- Sya'ban Muhammad Isma'il (1999), *al-Qira'at Ahkamuha wa Masdaruha*, c. 2, Kaherah, Dar al-Salam, h. 34.
- Muhammad bin Umar bin Salim (1996), *al-Qiraat Wa Atharuha Fi al-Tafsir Wa al-Ahkam*, Dar al-Hijrah, Saudi Arabia, c. 1, h. 111.
- Mohd Shafie Abu Bakar (1995), *Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi Dan Bidang-Bidang Berkaitan*, c. 2, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan*, c.3, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, h.202.
- Mohd. Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.